

BAB 4

LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

4.1. Latar Belakang Negeri Sembilan.

4.1.1. Asal Usul Nama Negeri Sembilan.

Asal usul nama Negeri Sembilan Darul Khusus seperti yang dicatatkan oleh A.Samad Idris ialah pada ketika pertabalan Raja Melewar di Penajis, Rembau pada tahun 1773.¹ Negeri Sembilan terkenal sebagai negeri Melayu yang berbeza dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu kerana sebilangan besar penduduknya mengamalkan adat perpatih.²

Minangkabau ialah nama suatu suku bangsa, kebudayaan dan juga wilayah.³ Mengenai peranan adat perpatih dalam ajaran Islam pula ianya mengandungi ajaran mendidik manusia bermoral, berakhlak tinggi, kejujuran, keadilan sosial, pembangunan spiritual.

¹ Pertabalan Raja Melewar dihadiri oleh sembilan Luak dan percantuman sembilan wilayah itu dinamakan sebagai Negeri Sembilan. Gabungan sembilan buah negeri telah dikanunkan dalam perlembagaan negeri pada tahun 1895. Gabungan negeri-negeri tersebut ialah Sungai Ujung, Jelebu, Johol dan Inas, Rembau, Tampin, Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir. Lihat A. Samad Idris (1990), *Payung Berkembang*, Kuala Lumpur, Pustaka Budiman, h.141.

² Khoo Kay Kim (1994), "Adat dan Perkembangan Politik: Pembangunan Masyarakat Negeri Sembilan" dalam A.Samad Idris et al.(selenggaraan), *Negeri Sembilan: Gemuk Berpupuk, Segar Bersiram Adat Merentas Zaman*, Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan, h.3.

³ H.Idrus Hakimi DT. Rajo Penghulu (1994), "Adat Minangkabau Basandi Syarak, Syarak Basandi Kitabullah Dalam Pembangunan Masyarakat Adat", dalam A.Samad Idris, *ibid.*, h.227-312.

4.1.2. Lokasi

Negeri Sembilan terletak di bahagian pantai barat semenanjung Malaysia dan disempadani oleh negeri Selangor, Pahang, Johor dan Melaka. Terbahagi kepada 7 buah daerah iaitu Jempol, Jelebu, Kuala Pilah, Seremban, Tampin, Port Dickson dan Rembau.

Jadual 4.1: Jumlah Mukim Dan Bandar Di Setiap Daerah-Daerah Negeri Sembilan

	Daerah	Jumlah Mukim	Jumlah bandar
1.	Jelebu	15	1
2.	Kuala Pilah	22	2
3.	Port Dickson	19	2
4.	Rembau	27	2
5.	Seremban	34	7
6.	Tampin	14	3
7.	Jempol	12	2
	Jumlah	143	19

Sumber: Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan.⁴

Dari segi hirarki Seremban merupakan pusat wilayah negeri yang berperanan sebagai pusat pentadbiran, tumpuan aktiviti perdagangan dan juga merupakan ibu negeri bagi Negeri Sembilan. Oleh kerana kedudukan Negeri Sembilan yang terletak di dalam Wilayah Tengah bersama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan

⁴ Mukim di Negeri Sembilan, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan. <http://www.ptgns.gov.my>. 12 Januari 2009.

Melaka sebagai Wilayah Tahap 1 dari segi hirarki negara, ia menjadi negeri berpotensi untuk menerima limpahan pembangunan.⁵

Manakala Rembau dan Jelebu pula menduduki hierarki sebagai pusat tempatan utama, kecil dan desa. Oleh kerana kajian ini dilakukan untuk melihat keberkesanan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan di Negeri Sembilan maka ketiga-tiga daerah tersebut bersesuaian dengan objektif kajian ini. Setiap daerah tersebut mengandungi bilangan isirumah miskin berasaskan kepada PGK Malaysia yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi. Oleh itu sampel kajian ini diambil daripada penerima bantuan zakat daripada pihak MAINS bagi kategori asnaf fakir dan miskin.

4.1.3. Pembangunan Ekonomi.

Negeri Sembilan memberi penumpuan terhadap sektor pembuatan industri, Industri Kecil dan Sederhana (IKS), pertanian, pelancongan, pembangunan sumber manusia, pembangunan usahawan dan pembangunan seimbang. Prestasi ekonomi Negeri Sembilan melalui KDNK mencatatkan kadar pertumbuhan purata 5.8% bagi tahun 2006-2010 dan merupakan penyumbang ke sepuluh sebanyak RM1.292 bilion daripada jumlah pelaburan modal di Malaysia bagi tahun 2010 berbanding RM857.59 juta pada tahun 2009. Pertumbuhan ekonominya adalah hasil daripada pelaburan asing yang berimpak tinggi sebanyak RM1,073.32 juta berbanding pelaburan domestik sebanyak RM219.29 juta⁶. Jadual 4.2. di halaman berikut menunjukkan Keluaran Dalam Negeri Kasar Negeri Sembilan bagi tahun 1990-2010.

⁵ Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2001-2010 (2001), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan, h. 9

⁶ Negeri Sembilan Investment Centre, <http://www.nsic.com.my/intro.html>. 15 Mac 2011.

Jadual 4.2: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) 1990-2010

Sektor	1990 (%)	1995 (%)	2000 (%)	2005 (%)	2006 (%)	2010 (%) **
Perkhidmatan	43.3	49.0	50.4	49.2	49.9	48.5
Pembinaan	3.0	4.4	2.3	1.7	2.5	1.5
Pembuatan	30.1	33.5	37.6	39.9	40.3	41.8
Runcit	0.6	0.4	0.3	0.2	0.2	0.1
Pertanian	23.0	12.7	9.4	9.0	7.0	8.1
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: KDNK Negeri Sembilan, Negeri Sembilan Investment Centre.⁷

Oleh kerana kedudukan geografi Negeri Sembilan terletak di kawasan strategik, namun ianya tertumpu di daerah Seremban dan Nilai. Begitu juga Port Dickson yang menerima limpahan pembangunan daripada Selangor. Impak pembangunan tidak menular ke lain-lain daerah Negeri Sembilan, hanya pembangunan fizikal secara serta merta.⁸

4.1.4. Demografi Penduduk.


Pada tahun 2009 Negeri Sembilan mempunyai seramai 1,013,900 orang penduduk. Seremban mempunyai penduduk paling ramai iaitu 47%, diikuti Jempol 14.9%, Port Dickson 12.7%, Tampin 9%, Kuala Pilah 7.4%, Rembau 4.6% dan Jelebu 4.3%. Manakala kadar penyertaan tenaga buruh pada tahun 2009 seramai 76.9% bagi

⁷ *Ibid.*,

⁸ *Ibid.*, hh.18-20.

lelaki, 44.5% bagi perempuan. Kadar pengangguran di Negeri Sembilan mengikut jantina ialah lelaki 4.0% dan perempuan 3.7%.⁹

Rajah 4.1: Jumlah Penduduk Mengikut Daerah-Daerah Di Negeri Sembilan 2009 ('000).



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia¹⁰

Daripada rajah 4.1. di atas menunjukkan bahawa Seremban mempunyai penduduk yang lebih ramai berbanding dengan daerah-daerah lain. Fenomena di atas akan memberi kesan dalam pembangunan ekonomi khususnya terhadap program-program membasmi kemiskinan. Data dari UPEN NS dan Unit Agihan Zakat Baitul

⁹ Data Siri Masa Penyiasatan Tenaga Buruh, Negeri Sembilan, Jabatan Perangkaan Malaysia <http://www.statistics.gov.my/portal/>. 15 Mac 2011.

¹⁰ *Op.cit.*, Data Siri Masa Penyiasatan Tenaga Buruh, Negeri Sembilan, Jabatan Perangkaan Malaysia <http://www.statistics.gov.my/portal/>. 15 Mac 2011.

Mal MAINS turut menunjukkan bilangan penerima bantuan untuk golongan miskin yang paling ramai adalah daripada daerah Seremban berbanding daerah-daerah lain.¹¹

Di bawah pentadbiran kerajaan negeri pula sehingga Disember 2009 Negeri Sembilan mempunyai 8 pihak berkuasa tempatan yang terdiri daripada 3 majlis perbandaran dan 5 majlis daerah.¹² Selain itu dari segi kadar penyertaan tenaga buruh pula pada tahun 2009 seramai 76.9% terdiri daripada lelaki dan 44.5% bagi perempuan. Manakala kadar pengangguran lelaki 4.0% dan perempuan 3.7%.¹³ Melalui penyertaan tenaga buruh dari pembangunan ekonomi di Negeri Sembilan dan kadar pengangguran yang rendah menunjukkan usaha-usaha meningkatkan taraf hidup sosial dan membasmi kemiskinan menjadi salah satu agenda kerajaan negeri secara berterusan.

4.1.5. Pembasmian Kemiskinan Di Negeri Sembilan.

Negeri Sembilan bersedia mengorak langkah secara bersepadu dan terancang ke arah Negeri Sembilan Maju menjelang tahun 2020. Ukuran kemajuan di Negeri Sembilan turut mengambilkira program pembasmian kemiskinan, maju dengan tahap ekonomi kukuh, mampan, berdaya saing serta mempunyai masyarakat yang harmoni, bernilai murni, bermaklumat dan cemerlang.¹⁴ Data kemiskinan boleh dilihat melalui Jadual 4.3.

¹¹ Sila rujuk Unit Agihan Zakat MAINS (2008). Unit Perancang Ekonomi Negeri Negeri Sembilan (2009), *Maklumat Program Basmi Kemiskinan*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

¹² Perangkaan Terpilih Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Status Pihak Berkuasa Tempatan, www.kpkt.gov.my/kpkt/fileupload/perangkaan_terpilih/pt... 15 Mac 2011

¹³ *Op.cit.*,

¹⁴ Mohamad Haji Hasan (2001), Kata-Kata Aluan Menteri Besar Negeri Sembilan, *Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2001-2010*. Kerajaan Negeri Sembilan.

Jadual 4.3: Statistik Data Kemiskinan Mengikut Parlimen Dan Bangsa

Parlimen	Bangsa					Jumlah Keseluruhan
	Melayu	Cina	India	Orang Asli	Lain-lain	
Rasah	938	544	1005	104	81	2672
Seremban	1551	587	575	272	108	3093
Jelevu	1325	361	209	458	10	2363
Tampin	1500	481	560	28	10	2579
Teluk Kemang	1341	934	1207	38	31	3551
Kuala Pilah	2777	237	167	421	302	3904
Jempol	1376	462	562	139	7	2546
Rembau	3392	276	997	161	64	4890
Jumlah Keseluruhan	14200	3882	5282	1621	613	25598

Sumber: Sistem Jaringan Keselamatan Sosial Negeri Sembilan.¹⁵

Jadual 4.3. menunjukkan bangsa Melayu merupakan golongan yang terbesar dalam insiden kemiskinan diikuti oleh India, Cina, Orang Asli dan lain-lain. Meskipun majoriti penduduk di Negeri Sembilan adalah bangsa Melayu namun insiden kemiskinan turut menunjukkan mereka merupakan golongan yang ramai berbanding bangsa-bangsa lain.

Berikutnya jadual 4.4 pula menunjukkan statistik kemiskinan mengikut daerah-daerah di Negeri Sembilan.

¹⁵ Sistem Jaringan Keselamatan Sosial Negeri Sembilan, <http://jaringan.ns.gov.my/> 15 Mac 2011

Jadual 4.4: Statistik Kemiskinan Mengikut Daerah

Daerah	Penerima
Jelevu	1841
Kuala Pilah	3916
Port Dickson	3550
Rembau	2999
Seremban	7657
Tampin	2578
Jempol	3057
Jumlah	25598

Sumber: Sistem Jaringan Keselamatan Sosial Negeri Sembilan.¹⁶

Manakala pada jadual 4.5. pula menunjukkan statistik penerima program pembasmian kemiskinan mengikut agensi-agensi yang terlibat.

Jadual 4.5: Statistik Penerima Mengikut Agensi

Agensi	Bilangan
Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	1890
Jabatan Kebajikan Masyarakat	21323
Majlis Agama Islam	5373
Jumlah	28586

Sumber: Sistem Jaringan Keselamatan Sosial Negeri Sembilan.¹⁷

Berdasarkan jadual 4.5. usaha-usaha membasmi kemiskinan disokong melalui rangkaian daripada pelbagai agensi yang terdiri daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Di samping meneruskan agenda pembangunan ekonomi, agensi-

¹⁶ *Ibid.*,

¹⁷ *Ibid.*,

agensi tersebut juga terus melaksanakan usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan melalui dana yang disediakan.

Secara ringkasnya, di samping kepesatan dalam pembangunan ekonomi dan sistem jaringan keselamatan sosial akan menyumbang kepada peningkatan taraf hidup sosial yang semakin berkualiti. Sumbangan dalam pelbagai bidang industri akan membantu menjadikan wawasan Negeri Sembilan ke arah matlamat sifar kemiskinan tegar dan seterusnya memastikan agihan kekayaan dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Keadaan ini disokong melalui MAINS yang turut serta menyumbang peranan mengagihkan bantuan zakat dalam program pembasmian kemiskinan ke seluruh daerah.

4.1.6. Kesimpulan

Berasaskan kepada latar belakang Negeri Sembilan, pengkaji merumuskan bahawa meskipun Negeri Sembilan terletak di lokasi yang strategik di tengah-tengah arus pembangunan dan kemajuan di wilayah selatan, cabaran terhadap usaha membasmi kemiskinan tetap wujud. Justeru, Negeri Sembilan juga memerlukan kaedah-kaedah yang efektif dan memberi impak bagi meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakatnya.

Pemilihan Negeri Sembilan sebagai lokasi kajian adalah berasaskan fakta-fakta berikut:

- (1) MAINS menerima pengiktirafan empat bintang daripada Jabatan Audit Negara kerana pengurusan kewangan yang cekap, khususnya wang zakat bagi tahun 2008.¹⁸
- (2) Berdasarkan data daripada MAINS, Negeri Sembilan mempunyai seramai 5148 orang fakir miskin pada Islam tahun 2008.¹⁹
- (3) MAINS mempunyai seramai 18,122 orang bilangan penerima bantuan dalam program pembasmian kemiskinan Negeri Sembilan bagi tahun 2009.²⁰
- (4) Negeri Sembilan mendapat peruntukan kerajaan persekutuan sebanyak RM4.4 juta untuk Program Peningkatan Pendapatan bagi tahun 2008 dan peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM1.3 juta.²¹

Ukuran kemiskinan di Negeri Sembilan turut mengambil kira PGK yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi.²² Tujuannya adalah untuk memastikan kadar kemiskinan mampu dikurangkan seterusnya dihapuskan secara total. MAINS sebagai badan yang bertanggungjawab menjaga hal ehwal umat Islam perlu seiring dengan wawasan kerajaan negeri, berganding bahu membasmi kemiskinan. Melalui dana zakat yang berjaya dikutip pada setiap tahun, bahkan kesedaran pemabayar juga meningkat memberi peluang untuk merealisasikan program-program kemiskinan

¹⁸ Pusat Zakat Negeri Sembilan (2008) <http://www.zakatns.com.my/v2/Arkib/2009/index.4.html>. 15 September 2009.

¹⁹ Unit Agihan Zakat MAINS (2008) (tidak diterbitkan).

²⁰ Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan (2009), *opcit.*, h.20.

²¹ *Ibid.*, h.21.

²² Takrif kemiskinan oleh Unit Perancang Ekonomi berdasarkan PGK ialah: PGK terdiri daripada dua komponen iaitu PGK Makanan dan PGK Bukan Makanan. PGK ditentukan secara berasingan bagi setiap isi rumah dalam Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah mengikut saiz isi rumah, komposisi demografi dan lokasi (negeri dan strata). Di Negeri Sembilan PGK ialah RM720. Sesebuah isi rumah dianggap miskin jika pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang daripada PGKnya, bermakna isi rumah tersebut kekurangan sumber bagi memenuhi keperluan asas setiap ahlinya. Manakala isi rumah dianggap sebagai miskin tegar sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang daripada PGK Makanan.

bergerak bersama-sama badan kebajikan yang lain. Apa yang perlu dipastikan adalah keberkesanan agihan zakat dapat diukur secara empirikal dengan menggunakan indeks kemiskinan agar ketepatan maklumat memberi gambaran sebenar seterusnya mencari nilai-nilai penambahbaikan terhadap usaha menghapuskan kemiskinan.

4.2. Latar belakang Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)

4.2.1. Sejarah Penubuhan MAINS

Dalam tahun 1948, apabila negeri-negeri Melayu di seluruh semenanjung disatukan menjadi Persekutuan Tanah Melayu, Negeri Sembilan telah membuat satu perlembagaan berdasarkan perjanjian 1889 mengenai kuasa Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Dato' Undang Luak Yang Empat serta Tunku Besar Tampin.

Mengikut perlembagaan yang baru, sebuah Dewan Undangan yang dinamakan Majlis Mesyuarat Kerajaan telah dibentuk. Selepas merdeka, Majlis Mesyuarat ini dikenali sebagai Dewan Keadilan. Dewan Keadilan ini berperanan sebagai tempat rujukan atau tunggak tertinggi kedaulatan takhta kerajaan Negeri Sembilan yang bertanggungjawab untuk menentukan pentadbiran, adat dan Agama Islam. Dewan Keadilan ini dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Anggota-anggotanya terdiri daripada Dato' Undang Luak Yang Empat, Tunku Besar Tampin, Tunku Besar Seri Menanti, Dato' Syahbandar Sungai Ujong, Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Penasihat Undang-Undang Negeri.²³

²³ Risalah MAINS (2008), *op.cit.*,

Memandangkan pentadbiran agama Islam agak tidak selaras, maka terdapat usaha-usaha untuk menubuhkan satu badan yang khusus menjalankan pentadbiran agama Islam di Negeri Sembilan. Seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Sembilan, YM Tengku Nordin telah membuat kertas kerja untuk menubuhkan MAINS. Di dalam kertas kerja ini, adat istiadat tidak dimasukkan ke dalam majlis agama seperti negeri-negeri lain. Ini kerana Negeri Sembilan mengamalkan Adat Perpatih.

Mesyuarat Undangan Negeri yang bersidang pada tahun 1949 telah bersetuju menubuhkan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang diwujudkan secara rasmi pada tahun 1950. Allahyarham Tuan Syeikh Haji Ahmad bin Haji Haji Mohd. Said (mufti pertama Negeri Sembilan) dilantik menjadi pengerusi pertama Jabatan Agama Islam, yang pada ketika itu dikenali sebagai Pejabat Agama Islam Negeri Sembilan.

MAINS tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) tahun 2003²⁴ bertanggungjawab untuk menjaga dan mengawasi perkara-perkara yang ada hubungan dengan agama Islam bagi memelihara kesucian agama dan memberi perkhidmatan kepada seluruh rakyat Islam Negeri Sembilan. Struktur MAINS terdiri daripada jawatankuasa MAINS, jabatan mufti, jabatan hal ehwal agama Islam Negeri Sembilan, baitul mal, anak syarikat dan agensi dan jabatan kehakiman syariah Negeri Sembilan.

²⁴ Peruntukan 4(1) menyatakan bahawa “Maka hendaklah ada suatu badan yang dikenali sebagai “Majlis Agama Islam Negeri Sembilan” untuk membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Besar dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan Agama Islam”. Lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, h.83.

Institusi Baitul Mal pula dimaksudkan sebagai kumpulan wang ditubuhkan di bawah seksyen 81 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.²⁵ Unit ini bertanggungjawab mentadbir harta MAINS meliputi urusan zakat, wakaf dan sumber am. Di bawah unit baitul mal terdiri daripada 3 bahagian iaitu bahagian zakat, bahagian khidmat pengurusan dan bahagian kewangan.²⁶ Urusan agihan adalah di bawah tanggungjawab bahagian zakat yang diketuai oleh seorang Pegawai Zakat.²⁷

Manakala bagi urusan kutipan zakat pula MAINS telah menubuhkan anak syarikat (MAINS Zakat Sdn. Bhd.) bertanggungjawab dalam urusan tersebut yang dikendalikan oleh Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS).²⁸

4.2.2. Bidang kuasa MAINS.

Sebagai sebuah badan yang beroperasi, majlis mempunyai kuasa-kuasa tertentu sebagaimana yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003. Selain menolong dan menasihati Paduka Seri Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan selaku Ketua Agama Islam, MAINS juga merupakan badan induk yang bertujuan mengawal hal ehwal agama Islam negeri ini.

Antara bidang kuasa MAINS ialah sebagai penguasa wasiat, pentadbir pusaka orang Islam di negeri ini dan juga sebagai pemegang amanah, urusan Baitul Mal, zakat

²⁵ *Ibid.*,h.84.

²⁶ Risalah MAINS (2008), *op.cit.*

²⁷ Zainal bin Said, Pegawai Zakat MAINS, Temu bual pada 10 Februari 2007 .

²⁸ Risalah MAINS (2008), *op.cit.*, Ditubuhkan pada 29 September 1998 dan mula beroperasi pada 2 Januari 1999. Sehingga kini Pusat Zakat Negeri Sembilan mempunyai 9 cawangan di seluruh Negeri Sembilan. Lihat <http://www.zakatns.com.my>. 2 Februari 2009

dan khairat termasuklah hal ehwal berkaitan urusan perbelanjaan wang zakat mengikut asnaf.

4.2.3. Visi dan Misi MAINS.

MAINS menetapkan visi iaitu untuk menjadi sebuah institusi terunggul menerajui pembangunan ummah dan syiar Islam dalam abad ini di Negeri Sembilan. Manakala misi MAINS pula ialah untuk melaksanakan tanggungjawab memelihara kesucian Islam dan menentukan dasar bagi menjana pembangunan ummah dalam pelbagai bidang berlandaskan syariah Islam. Ini menunjukkan MAINS sebagai sebuah badan kerajaan negeri untuk mengurus dan memelihara kesucian Islam melalui pelbagai program-program yang bermanfaat untuk umat Islam.

4.2.4. Objektif MAINS.

Berikut adalah objektif penubuhan MAINS:

1. Meninggikan dan meningkatkan syiar Islam di Negeri Sembilan.
2. Memaju dan mengukuhkan keunggulan umat Islam dalam pelbagai bidang dan kemahiran.
3. Memaju dan memperkasa agensi-agensi pelaksana dasar Islam agar dapat memainkan peranan dengan lebih baik, cekap dan berkesan.²⁹
4. Menjana pembangunan sosio ekonomi umat Islam melalui pengembelengan dan eksploitasi sumber yang sedia ada.

²⁹ Risalah MAINS (2008), *op.cit.*,

5. Meningkatkan kesedaran dan pengamalan Islam sebagai cara hidup (ad Din) oleh masyarakat Islam dan dalam masa yang sama meningkatkan persefahaman dengan masyarakat bukan Islam.

4.2.5. Jawatankuasa-jawatankuasa MAINS³⁰:

Bagi menjayakan misi, visi dan objektif MAINS terdapat 6 jawatankuasa yang berperanan untuk menentukan halatuju dan memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan sepenuhnya. Berikut adalah jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah MAINS:

1. Jawatankuasa pengurusan dan kewangan Baitul Mal.
2. Jawatankuasa pengurusan projek dan pelaburan.
3. Jawatankuasa fatwa
4. Jawatankuasa ulang bicara (panel Mahkamah Rayuan Syariah).
5. Jawatankuasa pembangunan tanah wakaf.
6. Jawatankuasa zakat.

MAINS juga mempunyai anak syarikat dan agensi yang terdiri daripada:

1. MAINS Holding Sdn Bhd.-Pusat Kaunseling MAINS dan Perbadanan wakaf Negeri Sembilan Sdn Bhd.
2. Pusat Zakat Negeri Sembilan (MAINS Zakat Sdn Bhd.)
3. Hospital Pakar Seremban Sdn Bhd (45% MAINS,55% KPJ)

³⁰ Lihat Lampiran Carta Organisasi MAINS.

Secara ringkasnya MAINS ditubuhkan untuk mengurus dan mentadbir harta yang terdiri daripada zakat, wakaf dan sumber am.³¹

4.2.6 Visi dan Misi Baitul Mal Negeri Sembilan

Visi Baitul mal ialah untuk menerajui pembangunan sosioekonomi ummah di Negeri Sembilan berlandaskan prinsip dan syariah Islam. Manakala misi Baitul Mal pula ialah sebagai agensi pentadbir harta MAINS dalam menjana pembangunan ekonomi ummah yang meliputi urusan zakat, wakaf dan sumber am. Ini menunjukkan bahawa fokus utama penubuhan Baitul Mal Negeri Sembilan adalah untuk membangunkan sosio ekonomi umat Islam ke arah kehidupan yang lebih berkualiti melalui sumber-sumber pendapatan sama ada daripada harta khas atau harta am.

Carta Organisasi Baitul Mal terdiri daripada 3 bahagian³²:

1. Bahagian Zakat
2. Bahagian Khidmat Pengurusan.
3. Bahagian Kewangan.

4.2.7. Bahagian Zakat

Tugas dan peranan bahagian zakat ialah:

1. Bertanggungjawab merancang dan mengurus taksiran, agihan dan pungutan zakat.
2. Menunaikan hak dan tanggungjawab kepada asnaf di Negeri Sembilan dan menepati ketentuan Allah.

³¹ Sumber am ialah sebarang bentuk aset umat Islam dan hasil daripada aktiviti dalam meningkatkan pendapatan MAINS. Lihat Risalah MAINS (2008), *op.cit.*

³² Lihat di lampiran Carta Organisasi Baitul Mal Negeri Sembilan.

3. Meningkatkan taraf hidup golongan asnaf merangkumi sosial, ekonomi, pendidikan dan kerohanian.
4. Mengenalpasti orang Islam yang layak membayar dan menerima zakat.

Bahagian zakat terdiri daripada 2 unit iaitu unit agihan dan unit kutipan dan penyelidikan. Diketuai oleh seorang Pegawai Zakat dan dibantu bersama 2 orang Penolong Pegawai Zakat di unit tersebut. Sehingga kini terdapat 8 cawangan termasuk ibupejabat yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal kutipan dan agihan zakat.

4.2.8 Bahagian Khidmat Pengurusan.

Tugas dan peranan bahagian ini ialah:

1. Bertanggungjawab dalam hal ehwal pentadbiran am pejabat.
2. Mengurus rekod perkhidmatan kakitangan.

4.2.9 Bahagian Kewangan.

Tugas dan peranan bahagian ini ialah:

1. Mengurus hal ehwal berkaitan pungutan hasil.
2. Mengemaskini dan menyelia penyediaan akaun serta kunci kira-kira Kumpulan Wang Baitul Mal.
3. Menyemak semua bil tuntutan pembayaran yang dikemukakan kepada MAINS.
4. Mengurus penyediaan akaun kewangan.

Secara ringkasnya ketiga-tiga bahagian yang terdapat di Baitul Mal Negeri Sembilan menjadi pelengkap kepada visi dan misi penubuhannya khususnya berkaitan harta dengan pengurusan agihan zakat.

4.2.10 Peranan MAINS Dalam Membasmi Kemiskinan Di Negeri Sembilan.

MAINS yang bertanggungjawab di dalam hal ehwal umat Islam sentiasa berusaha memastikan dana zakat yang dikutip pada setiap tahun digunakan dengan optimum. Melalui kemajuan sistem ICT, maka agihan zakat secara komputer dapat memproses permohonan asnaf yang layak menerima bantuan serta mengenalpasti sebarang permasalahan yang berlaku terhadap pengurusan agihan zakat.³³ Pengagihan dana zakat yang dilaksanakan oleh MAINS adalah berasaskan kepada teori agihan sebagaimana yang termaktub di dalam surah al-Taubah ayat 60.³⁴

4.2.11. Objektif Agihan Zakat.

Pengagihan zakat mempunyai objektif seperti berikut:

1. Menunaikan hak dan tanggungjawab kepada asnaf di Negeri Sembilan dan menepati ketentuan Allah.
2. Meningkatkan taraf hidup golongan asnaf merangkumi sosial, ekonomi, pendidikan dan kerohanian.
3. Membantu melaksanakan dan mempertingkatkan martabat ummah.

³³ Zainal bin Said, Pegawai Zakat MAINS, Temubual pada 10 Febuari 2007.

³⁴ Ayat ini menerangkan kaedah agihan zakat hanya layak kepada 8 asnaf iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, hamba, ibn sabil dan fi sabilillah.

4.2.12. Prinsip Agihan Zakat.

Pihak MAINS melaksanakan agihan zakat berdasarkan prinsip-prinsip berikut iaitu amanah, menyeluruh, samarata, had *kifāyah*, *khusuṣiah*, *istiqlal*, *al-Iqtisad*, *al-Muqarabah*, *isha'*, *al-Tarsyih*, *faurān*, dan keutamaan asnaf fakir miskin.³⁵

4.2.13. Takrif Asnaf oleh MAINS.

MAINS menetapkan 8 asnaf yang layak menerima agihan zakat sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran surah al-Taubah ayat 60. Takrif asnaf oleh Bahagian zakat MAINS adalah seperti jadual 4.6.

Jadual 4.6: Takrif Asnaf Yang Digunapakai Oleh MAINS.

Asnaf	Takrif
Fakir	Orang yang tiada harta dan pekerjaan atau ada harta / pekerjaan tetapi tidak sampai separuh keperluan yang mencukupi menurut keadaan munasabah walaupun mempunyai rumah pada masa itu.
Miskin	Orang yang ada harta / pekerjaan yang mencukupi separuh dari keperluannya atau lebih pada kadar munasabah walaupun mempunyai rumah pada masa itu.
Amil	Orang yang dilantik oleh pemerintah untuk menjalankan tugas pungutan dan pengagihan zakat.
Muallaf	Mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam tetapi belum kukuh Islamnya.
Al-Riqab	Memerdekakan orang Islam dari cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.
Fisabilillah	Perjuangan, usaha dan program atau aktiviti untuk menegakkan, mempertahankan dan meninggikan agama Islam dan syiarnya.
Ibnu Sabil	Orang yang terputus bekalan (perbelanjaan) di dalam perjalanan dan orang yang hendak memulakan perjalanan yang diharuskan syarak.

Sumber: Risalah Pengagihan Dana Zakat MAINS³⁶

³⁵ Prinsip yang sama seperti Manual Pengurusan Agihan Zakat, (2007), *op.cit.*, h.4-6.

³⁶ Risalah MAINS (2008).Pengagihan Dana Zakat MAINS.

Penetapan kelayakan golongan fakir miskin untuk mendapatkan bantuan zakat dengan mengambilkira had kifayah dan mengikut ukuran PGK Malaysia yang dikeluarkan oleh UPEN NS.³⁷ Dalam kajian ini responden yang mewakili takrifan fakir ialah golongan isi rumah yang berpendapatan RM0-RM429 sebulan. Manakala golongan miskin pula terdiri daripada golongan isi rumah yang berpendapatan RM430-RM720 sebulan.³⁸

Antara skim bantuan yang disediakan oleh pihak MAINS untuk asnaf fakir miskin Negeri Sembilan ialah bantuan makanan, kewangan bulanan, bantuan membaiki rumah, bantuan perubatan dan alatan perubatan, bantuan haemodialisis / CAPD (buah pinggang), pembangunan asnaf dan modal, bantuan hari raya dan bantuan persekolahan.

4.2.14. Agihan Zakat Oleh MAINS Bagi Tahun 2008.

Sehingga Disember 2008, MAINS telah berjaya mengagihkan sebanyak RM37,334,224.43 berbanding RM32,106,157.49 pada tahun 2007. Jumlah ini memperlihatkan peningkatan 16.28% atau RM5,228,066.94. Jika dilihat kepada trend perbelanjaan atau agihan zakat mengalami kenaikan yang agak memberangsangkan ekoran dasar MAINS untuk mengagihkan kutipan semaksimum yang mungkin agar para penerima bantuan asnaf terbelas³⁹. Sila rujuk Rajah 4.2 dan 4.3. di lampiran A berkenaan dengan agihan zakat bagi tahun 2007 dan 2008.

³⁷ Unit Perancang Ekonomi Negeri Negeri Sembilan (2009), *Maklumat Program Basmi Kemiskinan*, *op.cit.*, h.2.

³⁸ Pembahagian asnaf dilakukan melalui pecahan pendapatan RM0-RM429 ialah fakir dan pendapatan RM430-RM720 golongan miskin. Bahagian zakat MAINS turut menggunakan ukuran had kifayah bagi menentukan kelayakan seseorang untuk menerima bantuan zakat.

³⁹ Buletin MAINS bil.1 (2009), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, h.6.

4.2.15. Kesimpulan.

Berasaskan latar belakang, sejarah penubuhan, fungsi dan aktiviti MAINS yang bertanggungjawab menguruskan kutipan dan agihan zakat menunjukkan bahawa perlunya hubungan antara individu, institusi dan kerajaan kepada pembangunan umat Islam dari sudut aqidah, syariah dan akhlak kepada umat Islam di Negeri Sembilan. Sebagai sebuah badan yang menjadi tempat rujukan, panduan serta tempat untuk memohon bantuan maka pihak MAINS harus berfungsi sebagai institusi utama dalam mengatasi sebarang permasalahan umat Islam dari sudut ekonomi, politik dan sosial. Dengan kewujudan institusi ini yang mewakili pihak pemerintah akan dapat menyempurnakan kefarduan ibadat zakat dengan mudah dan memberi kesan terhadap usaha-usaha membasmi kemiskinan sebagaimana yang disarankan dalam Islam.